



# PERANAN IBU BAPA DALAM PENERAPAN SEMANGAT PATRIOTIK

Oleh Narmitha A/P Jayagopal, SMK Convent Butterworth, Pulau Pinang.

**I**BU bapa seharusnya memainkan peranan yang penting dalam menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak. Antara langkah proaktif itu termasuklah membawa mereka melawat tempat bersejarah untuk memupuk bibit patriotisme. Amalan ini dapat memupuk dan menyuburkan minat anak untuk mengetahui latar belakang pembentukan negara. Kesannya, semangat patriotik dapat disemarakkan dalam kalangan mereka.

Tempat bersejarah seperti Lembah Bujang, Seri Menanti, Kota Belanda dan Bandar Bersejarah Melaka boleh dijadikan sebagai destinasi lawatan. Pendek kata, lawatan ke tempat bersejarah dapat dijadikan aktiviti ketika cuti persekolahan untuk menerapkan semangat patriotik dalam lubuk kalbu anak-anak.

Selain itu, ibu bapa hendaklah membelikan anak-anak buku yang berkaitan dengan sejarah atau buku novel yang bertemakan semangat cinta akan tanah air. Hal ini demikian kerana melalui proses pembacaan, anak-anak akan dapat mengetahui lebih banyak perkara yang berkaitan dengan sejarah.

Buku sejarah dan novel yang berjudul *Kapten Hassan Wira Bangsa* ataupun *Merdeka! Merdeka!* dapat menyemarakkan lagi semangat patriotik dalam jiwa anak-anak kerana isi kandungan buku tersebut berunsurkan patriotisme. Apabila meningkat dewasa, mereka akan sentiasa bersemangat patriotik dan suka membaca. Bak kata pepatah, kalau asal benih yang baik jika jatuh ke laut akan menjadi pulau, terlontar ke udara menjadi kejora dan dicampakkan ke bumi menjadi penawar.

Di samping itu, ibu bapa juga haruslah menjadi suri teladan kepada anak-anak dalam mencintai tanah air. Ibu bapa perlu sedar bahawa segala perbuatan, perlakuan, amalan, peraturan dan pemikiran mereka akan diikuti oleh anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mengibarkan bendera di rumah atau melakukan aktiviti yang boleh menunjukkan kecintaan mereka kepada negara. Oleh itu, ibu bapa haruslah sentiasa menunjukkan contoh terbaik kepada anak-anak kerana ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi.

Selain itu, ibu bapa haruslah membawa anak-anak menyertai sambutan perayaan negara seperti sambutan Hari Kebangsaan pada setiap 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun. Dengan menyertai aktiviti itu, semangat patriotik dapat disemaikan dalam diri anak-anak. Sebagai contoh, mereka dapat bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang, menyanyi dan mendengar lagu patriotik yang dapat menyemarakkan semangat cinta akan tanah air. Aktiviti ini perlulah bermula sejak kecil agar semangat patriotik dapat dipupuk kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Kesimpulannya, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menerapkan semangat patriotik dalam jiwa anak-anak. Mereka haruslah melaksanakan tanggungjawab dan peranan untuk melahirkan individu yang cinta akan negara dan berwawasan. Oleh hal yang demikian, keharuman bunga-bunga keharmonian dan kemakmuran akan semerbak ke seantero tanah air. 

